Publication: Berita Harian, p 4 Date: 12 December 2015

Headline: SMU won 3 awards in 'Oscars of Higher Institutions'

## SMU menang 3 anugerah 'Oscar Pengajian Tinggi'

UNIVERSITI Pengurusan Singapura (SMU) menenangi tiga anugerah dalam apa yang disifatkan sebagai anugerah 'Oscar Pengajian Tinggi' bagi mengiktiraf projek paling inovatif di dunia yang direka bagi mempertingkat kaedah dan prinsip pengajaran mahupun pekerjaan.

Acara penyampaian 'Wharton-QS Stars Reimagine Education Conference and Awards' yang diadakan buat kali kedua baru-baru ini berlangsung di Philadelphia, Amerika Syarikat, di mana pemenang dinilai oleh panel antarabangsa.

Dalam satu kenyataan Quacquarelli Symonds (QS), ia berkata: "Projek yang menang telah dipilih, selepas perbincangan panjang oleh 40 panel pengadil antarabangsa yang ternama."

SMU merupakan antara Pemenang 'Reimagine Education 2015' bagi Anugerah Sains Sosial dan Disiplin MBA melalui projeknya 'GameLead: A Gamified Application To Engage Learners'.

Di samping itu, ia turut memenangi Anugerah Perak bagi Peralatan ICT bagi Pembelajaran dan Pengajaran serta Anugerah Gangsa bagi kategori Aplikasi Pendidikan.

Persidangan 'The Wharton-QS Stars: Reimagine Education' di Philadelphia itu telah menemukan sebahagian daripada tokoh pendidikan paling berpengaruh di dunia serta syarikat dan universiti.

Lebih 350 perwakilan berkumpul membincangkan pendekatan inovasi dalam pendidikan tinggi, mempertimbangkan cara meningkatkan pedagogi dan pekerjaan dan mengiktiraf projek terbaik.

Bagi pertandingan global 'Reimagine

Education 2015' itu 520 projek penyertaan telah diterima tahun ini bagi merebut hadiah dalam 11 kategori di mana SMU diiktiraf dalam kategori utama selain dua kategori lain.

"Tatkala dunia menyaksikan landskap pendidikan yang sentiasa berubah, persidangan ini menyediakan forum bagi perbincangan intensif dan dinamik demi mencari kaedah terbaik penggunaan teknologi untuk memperbaiki hasil pendidikan dan ekonomi," tambah kenyataan itu.